

U177

U 8858 AAB
MAHATHIR - GAJI R R R

PORT DICKSON, 22 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ADA KEMUNGKINAN KENAIKAN GAJI BOLEH DIBERIKAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN TETAPI MENEGASKAN BAHAWA INI BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN MENGENAINYA TIDAK BOLEH DIBUAT SEKARANG KERANA HASIL YANG AKAN DIPEROLEHI DARIPADA KENAIKAN HARGA BARANGAN UTAMA BELUM DIPEROLEHI DAN +KITA TIDAK TAHU JUMLAH HASIL YANG AKAN DIPEROLEHI+.

+YANG JUAL GETAH BUKANNYA KITA TETAPI PENIAGA. HASILNYA BELUM DIKUTIP LAGI DAN KITA TIDAK TAHU BANYAK MANA YANG AKAN DIPEROLEHI. KEMUNGKINAN (KENAIKAN GAJI) ITU MEMANG ADA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PESTA PORT DICKSON 88 DI KAWASAN TAMBAK LAUT DI SINI.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN SECARA MELULU TANPA MEMBUAT PERKIRAAN TERLEBIH DAHULU MENGENAI KEMAMPUAN EKONOMI NEGARA.

BERHUBUNG DENGAN LAPORAN TRIBUNAL MENGENAI PENYIASATAN TERHADAP KETUA HAKIM NEGARA, TUN SALLEH ABAS, YANG DIGANTUNG JAWATANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT SELURUH LAPORAN ITU AKAN DIUMUMKAN KERANA TIDAK ADA APA-APA YANG PERLU DISEMBUNYIKAN MENGENAINYA. -- LAGI

2024MST 22 07 88

0200

U 8859 AAB
MAHATHIR - GAJI 2 PORT DICKSON

KATANYA, BELIAU TIDAK TAHU MENGENAI KANDUNGAN LAPORAN ITU TETAPI IA (LAPORAN TRIBUNAL) SEHARUSNYA DIUMUMKAN KEPADA ORANG RAMAI.

APABILA DITANYA BILAKAH LAPORAN ITU AKAN DIPERSEMBARKAN KE BAWAH YANG DI-PERTUAN AGONG SETELAH MAHKAMAH AGUNG HARI INI MENGENEPIKAN PERINTAH MENGHALANG TRIBUNAL BERKENAAN DARIPADA MENGEMUKAKAN LAPORAN ITU KE BAWAH SERI PADUKA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK PASTI BILAKAH IA AKAN DILAKUKAN KERANA BELIAU SENDIRI BELUM MENGETAHUINYA (PERINTAH MAHKAMAH AGUNG) SECARA RASMI.

MAHKAMAH AGUNG DI KUALA LUMPUR HARI INI MEMUTUSKAN BAHAWA PERINTAH LARANGAN YANG DIBUAT PADA 2 JULAI LEPAS OLEH LIMA HAKIM MAHKAMAH AGUNG YANG SEJAK ITU TELAH DIGANTUNG JAWATAN MASING-MASING, TIDAK MENGIKUT PERATURAN, TIDAK SAH DAN TIDAK BOLEH DIKUATKUASAKAN TERHADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN TRIBUNAL ITU. -- BERNAMA
2026MST 22 07 88